

JAWAPAN

Unit
2

Insan Bermoral Pilihan Hidup

Modul PBD

1. Insan bermoral ialah individu yang berfikiran, berperasaan dan mengamalkan perlakuan yang baik dalam semua tindakan yang dilakukannya.

2. **Pemikiran:**

- (a) Berfikiran rasional
- (b) Dapat membezakan baik dan buruk
- (c) Dapat membuat keputusan
- (d) Dapat menyelesaikan masalah

Perasaan:

- (a) Gembira
- (b) Sedih
- (c) Kecewa
- (d) Simpati

Perlakuan:

- (a) Bersikap adil
- (b) Berbudi pekerti
- (c) Berperikemanusiaan
- (d) Hormat-menghormati

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

3. (a) (i) Hidup menjadi lebih tenang
(ii) Mendapat balasan yang baik daripada Tuhan
(b) (i) Mewujudkan kebahagiaan keluarga
(ii) Mengukuhkan institusi kekeluargaan
(c) (i) Hidup harmoni dan sejahtera
(ii) Saling menghormati dan bertolak ansur
(d) (i) Alam sekitar terpelihara dan dipulihara
(ii) Mengelakkan penularan wabak penyakit
(e) (i) Menjaga nama baik negara
(ii) Memastikan pencabulan hak tidak berlaku

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

4. • Tidak menyebarkan maklumat dan berita palsu
• Tidak menggunakan Internet untuk membahayakan orang lain
• Tidak mengeksplorasi maklumat dan data peribadi pengguna lain
• Tidak menyebarkan virus yang boleh melumpuhkan sistem pihak lain
• Tidak menceroboh fail komputer lain
• Menghormati hak cipta orang lain

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

5. **Situasi 1**

Hazman perlu menasihati rakan baiknya supaya mengembalikan semua buku rujukan yang dicurinya. Dia juga perlu memberitahu guru pusat sumber sekolah tentang masalah yang dihadapi oleh rakan baiknya itu supaya rakan baiknya dibenarkan meminjam lebih daripada dua buah buku rujukan.

Situasi 2

Rosli perlu memberitahu ibu bapanya tentang keputusan sebenar dan masalah yang dihadapinya dalam proses pembelajaran supaya masalahnya dapat diselesaikan dengan segera melalui kaedah pembelajaran yang lebih efektif.

Situasi 3

Nira perlu menghubungi dan memberitahu syarikat tersebut bahawa dia tidak dapat menghadiri sesi temu duga pada masa yang ditetapkan kerana terpaksa menghantar seorang lelaki tua yang pengsan di tepi jalan ke hospital terlebih dahulu. Dia boleh meminta pihak syarikat menangguhkan sesi temu duga pada masa lain.

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

6. (Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

Power KBAT

1. • Tidak wajar
 - Jia Hong perlu menerima keputusan pertandingan dengan hati yang terbuka.
 - Jia Hong perlu menyedari bahawa pertandingan dan persahabatan adalah dua perkara yang berbeza.

2. (a) Berfikiran rasional – Mengetahui bahawa keputusan pertandingan, iaitu mendapat tempat kedua akan menyebabkan Jia Hong berasa kecewa
(b) Dapat menyelesaikan masalah – Memberikan sokongan moral kepada Jia Hong bahawa dia telah melakukan usaha yang terbaik dan menggalakkannya untuk terus berusaha bagi memenangi tempat pertama dalam pertandingan reka cipta pada masa akan datang

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)